

Lagi tragedi kren tumbang

Seorang pekerja maut, seorang lagi cedera

NOR AZIHAN MD GHAZALI

KUALA LUMPUR

Seorang pekerja maut manakala seorang lagi cedera apabila kren pelancar galang (*launching girder*) tumbang di tapak pembinaan MRT, di Jalan Jinjang, di sini, lewat malam kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Daerah Sentul Superintendan Mohamed Rafiq Mohamed Mustafa berkata, Balai Polis Jinjang menerima panggilan berhubung kejadian melibatkan dua mangsa warga tempatan itu kira-kira 11.48 malam.

Pihak bomba tiba kira-kira tiga minit selepas kejadian dilaporkan untuk operasi menyelamatkan mangsa.

"Kejadian ini berlaku di depan Balai Bomba dan Penyelamat Jinjang. Mangsa yang disahkan meninggal



Kren 'launching girder' tumbang di tapak pembinaan MRT berhadapan Balai Bomba dan Penyelamat Jinjang.

dunia dikenali sebagai Mohd Firdaus Abdul Mutalib, 41. Mangsa dipercayai terjatuh dari ketinggian kira-kira 13 meter.

Sementara seorang lagi mangsa yang tersepit dikeluarkan anggota penyelamat dan dihantar ke Hospital Selayang untuk rawatan kecemasan.

"Ketika kejadian 28 pekerja termasuk 20 warga

tempatan dan lapan warga Bangladesh berada di tingkat atas," katanya.

Katanya, pihak bomba dan polis masih menjalankan siasatan dan mengenal pasti bagaimana kejadian berlaku.

Menurutnya, kawasan tersebut ditutup sementara demi keselamatan orang ramai dan sesiapa pun tidak dibenarkan masuk ke lokasi.

Mangsa yang maut dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk di-bedah siasat.

Mohamed Rafiq berkata, mangsa yang cedera di bahagian kaki dikenali sebagai Zulhelmi Arsyad, 24, dibawa ke Hospital Selayang untuk rawatan.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Jinjang, Mohamad Adha Md



Mangsa yang cedera di bahagian kaki dibawa ke hospital.

Nazir berkata, sebaik tiba, pihaknya dimaklumkan tiga mangsa terlibat.

Menurutnya, seorang dipercayai terjatuh dari tapak pembinaan jambatan MRT, seorang tersepit manakala seorang lagi, Asmawi Yahya, 38, dilaporkan dalam keadaan stabil dan selamat.

"Seramai 38 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Jinjang, Hartamas dan Hang

Tuah dikejarkan ke lokasi kejadian, kami ambil masa hampir dua jam dalam operasi menyelamatkan ini.

"Mangsa tersepit terpaksa dikeluarkan dan dibawa turun menggunakan jentera Turn Table Ladder (TTL)," katanya.

Katanya, kejadian berlaku ketika semua pekerja binaan melakukan kerja-kerja di kren tersebut.